



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH

Office Of The State Secretary Of Sabah

JABATAN KETUA MENTERI

Chief Minister's Department

Aras 28, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah

Jalan UMS, Teluk Likas

88400 KOTA KINABALU, SABAH

MALAYSIA

Tel : +6088-369 900

: +6088-369 901

Faks : +6088-211 016

Rujukan: JKM.100-4/62

Tarikh : 03 Disember 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian;
Semua Ketua Jabatan Negeri;
Semua Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN PENJAWAT AWAM

Perkara di atas dirujuk.

2. Perkhidmatan Awam merupakan komponen penting dalam melaksanakan aspirasi kerajaan dan kehendak rakyat dengan cekap dan cepat. Sebagai penjawat awam, kita wajar menunaikan amanah dan kewajipan kita dengan penuh taat setia dan berintegriti dalam apa jua tugas yang dilaksanakan. Adalah amat penting untuk penjawat awam mengekalkan integriti dan profesionalisma demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

3. Ketua-ketua Organisasi adalah bertanggungjawab memastikan anggota di bawah seliaan masing-masing mematuhi Peraturan 208, Bahagian V, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah Tahun 2008 dan semua peraturan yang berkuatkuasa.

4. Arahan ini hendaklah dipanjangkan kepada semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri dan Ketua Pihak Berkuasa Tempatan untuk perhatian.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)
Setiausaha Kerajaan Negeri

"SABAH MAJU JAYA"